



Headline: Tiga lagi kes 'Macau Scam' dilapor, rugi lebih RM30,000 Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Tempatan

Date: 30 August 2019

Page: 2

Tiga lagi kes 'Macau Scam' dilapor, rugi lebih RM30,000

KUCHING: Tiga kes 'Macau Scam' dilaporkan membabitkan dua penjawat awam dan seorang penganggur dengan kerugian melebihi RM30,000 pada Rabu lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, ketiga-tiganya tersebut dilaporkan di Kuching dan dua Miri.

Menurutnya, kes pertama dilaporkan oleh seorang wanita, 26 tahun yang bekerja di Hospital Umum Sarawak (HUS), di mana dia telah dihubungi seseorang mendakwa dia terlibat kes dadah dan penggelapan wang.

"Suspek kemudian turut menghantar gambar laporan polis atas nama serta kad pengenalan mangsa melalui WhatsApp dan mangsa diberitahu akan dihubungi Bank Negara yang akan menghantar nombor TAC yang perlu diberikan kepada suspek.

"Suspek turut meminta nombor akaun mangsa tetapi dia enggan berikan dan kerana curigai sesuatu, mangsa terus memeriksa baki akaun banknya dan mendapati RM20,000 simpanannya telah hilang," katanya dalam satu keny-

ataan di sini, semalam.

Sementara kes kedua pula dilaporkan oleh seorang guru lelaki berusia 28 tahun di Miri selepas dia mendapat panggilan yang kononnya daripada Mahkamah Kuala Terengganu dan mendakwa dia mempunyai saman tertunggak kad kredit.

Suspek turut memberitahu maklumat peribadi mangsa telah disalahgunakan oleh orang lain untuk melakukan kes penye- ludupan dadah dan penyele- wengan wang haram.

"Mangsa kemudian disambungkan talian dengan seseorang yang mendakwa dirinya pegawai polis yang kononnya boleh membantu mangsa menguruskan kes tersebut.

"Dia kemudian menga- rahkan mangsa menghantar gambar depan dan belakang kad kredit miliknya dan mangsa juga tidak dibenarkan membuat sebarang transaksi kewangan sehingga jam 5 petang," katanya.

Mustafa memberitahu mangsa hanya menyedari dirinya ditipu apabila men- dapati wangnya sebanyak RM4,120 telah hilang dari akaun banknya.

"Malah kad kreditnya juga telah digunakan oleh individu

lain membuat pembelian atas talian sebanyak RM4,500," katanya.

Kes ketiga yang melibatkan kerugian RM1,720 dilapor- kan oleh seorang lelaki berusia 30 tahun di Miri, di mana dia turut menerima panggilan telefon mengatakan dia mem- punyai tunggakan kad kredit berjumlah RM16,846.88 dan kemudian diminta untuk membuat laporan polis.

"Beberapa minit kemudian mangsa menerima panggilan daripada seseorang yang memperkenalkan diri sebagai 'Sarjan Kamaruddin' dan disambungkan lagi dengan ses- seorang yang tidak dikenali.

"Suspek ketiga telah meminta nombor akaun serta kata laluan perbankan atas tal- ian mangsa dan tanpa menge- syaki apa-apa telah menberik- an maklumat perbankan seperti yang diminta.

"Mangsa hanya menyedari dirinya ditipu selepas me- meriksa baki akaun banknya dan mendapati wangnya (RM1,720) telah dipindahkan dari akaunnya," katanya.

Siasatan lanjut ketiga-tiga kes tersebut masih dijalankan dan sebarang maklumat berhubung kes boleh disalur- kan dengan menghubungi JSJK menerusi talian 013- 2111222.